

Permohonan komital keluarga Adib tak lengkap

Pemohon tak beritahu mahkamah berkenaan perincian afidavit

Oleh Norrasyidah Arshad
norrasyidah@bh.com.my

Shah Alam: Mahkamah Koroner semalam diberitahu bahawa permohonan komital keluarga Muhammad Adib Mohd Kassim, terhadap Peguam Negara, Tommy Thomas, berkenaan prosiding inkuies kematian anggota bomba itu, adalah tidak lengkap.

Peguam Kanan Persekutuan, S Narkunavathy, yang mewakili Tommy, berkata pemohon tidak memberitahu mahkamah berkenaan perincian afidavit yang difailkan Jabatan Peguam Negara yang dikatakan mengganggu inkuies serta menghina mahkamah.

Afidavit itu difailkan pada 3 April lalu dan disahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya Hamdan Hamzah, menyatakan bahawa

kematian Muhammad Adib, 27, bukan akibat dipukul oleh mana-mana pihak.

"Mereka (pemohon) sepatutnya memberikan maklumat terperinci berkenaan afidavit peguam negara yang didakwa mengganggu prosiding inkuies Adib," katanya ketika memberi hujahan di hadapan Koroner Rofiah Mohamad.

Terdahulu, peguam mewakili keluarga Muhammad Adib, Mohd Haniff Khatri Abdulla, berkata Tommy selaku Peguam Negara, tidak boleh membuat ke-

Ini adalah asas dan mahkamah perlu rujuk terhadap kenyataan yang dikeluarkan secara peribadi oleh Peguam Negara.

Mohd Haniff Khatri Abdulla,
Peguam mewakili keluarga Muhammad Adib

putusan berhubung punca kematian Muhammad Adib.

Berikutan itu, afidavit terbabit dilihat mempunyai kriteria campur tangan, pendirian bersifat pramatang dan menindas peguam Syazlian Mansor sebagai peguam bela dan peguam cara keluarga anggota bomba itu.

"Ini adalah asas dan mahkamah perlu rujuk terhadap kenyataan yang dikeluarkan secara peribadi oleh Peguam Negara," katanya.

Berikutan itu, selepas mendingar hujahan kedua-dua pihak, Rofiah menetapkan Selasa depan untuk menentukan sama ada prosiding komital terbabit dapat dimulakan atau sebaliknya.

Pada 16 Julai lalu, bapa Muhammad Adib, anggota bomba yang maut dalam rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, Subang Jaya, tahun lalu, Mohd Kassim Abdul Hamid, memfailkan permohonan perintah komital kepada Tommy kerana menghina mahkamah berkaitan proses inkuiri kematian anaknya.

Permohonan sebelah pihak (ex-parte) itu dibuat melalui Tuetuan Mohd Zubir Embong & Associate di Pejabat Pendaftar Mahkamah Koroner.



Keratan akhbar BH pada 18 Julai lalu.

Mahkamah tetapkan inkuies 27 September

Shah Alam: Keputusan inkuies bagi menentukan punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim, akan diketahuhi pada 27 September depan.

Mahkamah Koroner, di sini, menetapkan tarikh itu selepas prosiding siasatan inkuies yang dijalankan sejak Februari lalu ditutup secara rasmi semalam.

Koroner Rofiah Mohamad, berkata selepas meneliti semua perkara, mahkamah mendapati tiada sebarang perkara perlu diteruskan.

"Mahkamah menetapkan tarikh keputusan pada hari Jumaat, 27 September pada jam 10 pagi," katanya.

Sepanjang prosiding inkuies berkenaan, seramai 30 saksi termasuk saksi pakar serta bapa Muhammad Adib, Mohd Kassim Abdul Hamid dipanggil memberi keterangan.

Pada 27 November tahun lalu, Muhammad Adib, 24, yang juga anggota Perkhidmatan Penyelamatan dan Perawatan Kecemasan (EMRS) Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Subang Jaya, parah selepas diserang dan dipukul sekumpulan perusuh dalam kejadian di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya.

Selepas 21 hari bertarung nyawa, Muhammad Adib menghembuskan nafas terakhir di Institut Jantung Negara (IJN), 17 Disember lalu.

Berikutan itu, pada 27 Disember, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan Peguam Negara, Tommy Thomas, mengarahkan majistret membuat inkuies bagi menentukan sebab kematian Muhammad Adib.



Selepas meneliti semua perkara, mahkamah mendapati tiada sebarang perkara perlu diteruskan.

Rofiah Mohamad,
Koroner